



# Berita KUKUM

## J. Rektor Mahu MAPUM Buat Kaji Selidik

**Satu** kaji selidik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam menilai semula perkhidmatan, kebijakan serta aktiviti yang telah dijalankan di kolej-kolej kediaman atau desasiswa perlu dijalankan secara berterusan dalam memberi perkhidmatan perumahan yang lebih kondusif dan selesa kepada para mahasiswa-mahasiswi di negara ini.

Lt. Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM, menyatakan demikian di dalam teks ucapannya yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Dekan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik KUKUM di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis pada 13 Jun 2005 lalu dalam satu majlis makan malam bersempena dengan Mesyuarat Majlis Perumahan dan Perkhidmatan Pelajar Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM).

Proses penambahbaikan itu katanya amat perlu kerana pengurusan asrama atau Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di IPTA adalah jabatan yang sentiasa berhubung dan berkomunikasi secara langsung dan terus dengan para mahasiswa-mahasiswi. Segala komen dan cadangan mereka harus dipertimbangkan dengan sewajarnya oleh pihak yang berwajib dan disusuli dengan tindakan.

Justeru bagi mengatasi masalah tersebut, pelbagai kaedah dapat diwujudkan bagi merealisasikan proses penambahbaikan itu. Antara lain katanya seperti mengadakan sesi dialog dengan para pelajar di kolej kediaman, meninjau pendapat pelajar melalui borang kaji selidik, mewujudkan peti cadangan atau bilik 'neutral' di kolej masing-masing bagi mendengar permasalahan yang sering dihadapi oleh para mahasiswa-mahasiswi sendiri.

MAPUM juga diharapkan mampu menjadi platform yang berkesan dalam proses perkongsian maklumat di kalangan anggota-anggotanya. Segala masalah yang berkait rapat dengan masalah perumahan atau

perkhidmatan yang diberikan kepada para mahasiswa-mahasiswi harus cepat ditangani kerana imej IPTA amat '*fragile*' kepada masyarakat awam.

Sementara itu, Dato' Prof. Madya Dr. Jamaludin Mohaiadin, Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar, Universiti Sains Malaysia (USM) merangkap Pengerusi MAPUM, dalam ucapan balasnya berkata, MAPUM akan terus diperkasakan sebagai majlis yang mampu memberi impak yang besar kepada pembangunan pelajar kerana kolej kediaman pada masa ini perlu dipertingkatkan penggunaannya.

Kolej kediaman tegas beliau bukan lagi sekadar tempat tidur pelajar semata-mata tetapi merupakan unsur yang amat penting bagi menjana dan memangkinkan daya usaha yang tinggi untuk pelajar mencapai prestasi akademik yang cemerlang, integrasi sosial, pembangunan sahsiah, kreativiti, kepimpinan efektif, jati diri, kerohanian unggul dan pelbagai elemen bagi peningkatan diri pelajar.

MAPUM katanya lagi, akan terus menganjurkan beberapa aktiviti bagi mencapai tujuan tersebut. Antara lain ialah seperti Bengkel Pemantapan Urusan Perumahan dan Penginapan Universiti Malaysia 2005 yang telah berlangsung pada 13-16 Mac 2005 lalu serta mengadakan Seminar Pengurusan Asrama Peringkat Kebangsaan (SPARK) 2005 yang akan berlangsung pada bulan November nanti.

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari bermula 12-14 Jun 2005 lalu di Bilik Mesyuarat Utama KUKUM itu telah dihadiri seramai lebih kurang 30 orang Penolong-penolong Pendaftar, Hal Ehwal Pelajar dan Pengurus-pengurus Kolej Kediaman dan Asrama dari 17 buah IPTA seluruh negara. KUKUM telah dilantik sebagai tuan rumah pada mesyuarat kali ini.

